

Pokok tumbang akibatkan kesesakan teruk waktu puncak

Ibu negara dilanda banjir

Oleh NORHIDAYU MOHD. HASSAN
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 10 April - Hujan lebat kira-kira sejam di ibu negara petang ini, menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air akibat banjir kilat.

Selain banjir, beberapa pokok turut dilaporkan tumbang di beberapa lokasi sehingga menjejaskan aliran trafik pada waktu puncak iaitu semasa kebanyakan warga kota mahu pulang ke rumah masing-masing selepas habis bekerja.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, hujan lebat bermula kira-kira pukul 5.30 hingga 6.30 petang ini menyebabkan kawasan tumpuan orang ramai di sekitar Bukit Bintang dan Dang Wangi dinaiki air.


"Turut dilanda banjir kilat ialah Jalan Maharajalela, belakang Masjid Negara dan Bukit Damansara.

"Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dan insiden kenderaan ditengalami air dilaporkan berlaku di kawasan yang terjejas," katanya ketika dihubungi hari ini.

Azizan berkata, banjir kilat dan pokok tumbang menyebabkan berlaku kesesakan teruk di lokasi berkenaan.



SEJUMLAH kenderaan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas akibat banjir kilat di Jalan Dang Wangi, Kuala Lumpur, semalam.



HARUNG BANJIR

KENDERAAN yang melalui terowong di Jalan Tun Razak terpaksa melalui lorong sebelah kanan kerana akibat hujan lebat telah menenggelamkan sebahagian besar laluan dalam terowong itu di Kuala Lumpur, malam semalam. - BERNAMA



TERHALANG

BEBERAPA orang kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertungkus lumus membersihkan laluan kenderaan yang terhalang disebabkan pokok tumbang akibat hujan lebat dan banjir kilat di persimpangan Jalan Duta menuju ke Lebuhraya Mahameru di Kuala Lumpur, malam, semalam. - BERNAMA